



# **MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

## **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
YANG DIPERTUA MPSP**

## **SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN LAMAN FOTOGRAFI**

## **OLEH**

**YANG AMAT BERHORMAT TUAN CHOW KON YEOW  
KETUA MENTERI PULAU PINANG**

## **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**15 DISEMBER 2018 (SABTU)  
5.10 PETANG**

**TAMAN REKREASI AWAM TAMAN SEMBILANG  
SEBERANG JAYA**

**Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow**

Ketua Menteri Pulau Pinang

**Yang Berhormat Dr. Afif Bin Bahardin (EXCO)**

Ahli Majlis Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pertanian & Industri Asas Tani,

Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hjh Rosnani bt Hj Mahmud**

Setiausaha Perbandaran

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Penduduk-penduduk setempat**

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, saya lafazkan rasa syukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama berkumpul pada petang yang penuh barakah ini dalam Majlis Perasmian Laman Fotografi Taman Rekreasi Awam Sembilang.

Terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang, Yang Berhormat Dr. Afif Bin Bahardin, EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Ahli-Ahli Majlis, penduduk-penduduk Taman Sembilang dan semua yang hadir kerana sudi melapangkan waktu di hujung minggu untuk bersama-sama dengan kita menjayakan Majlis Perasmian Laman Fotografi @ Taman Rekreasi Awam Sembilang ini.

**Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

Lokasi Laman Fotografi ini sangat strategik, terletak di Jalan Sembilang, Taman Sembilang, Seberang Jaya, SPT. Laluan ini menghubungkan Bandar Seberang Jaya dengan jaringan Lebuhraya Utara Selatan (PLUS). Anggaran keluasan keseluruhan tapak ini adalah 3.02 ekar yang mana ianya merupakan kawasan lapang yang telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri. Kawasan ini berpotensi untuk dinaiktaraf kerana ianya terletak di dalam pola penempatan berkepadatan tinggi serta berhampiran dengan laluan utama Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) serta ke Bandar Seberang Jaya dan Bandar Sunway.

Berdasarkan kepada keadaan semasa kawasan ini sebelum ini, ianya mempunyai kemudahan rekreasi asas seperti alat mainan bersepadu, wakaf, alat mainan dan sebagainya. MPSP telah membuat tambahan beberapa komponen-komponen baru di kawasan lapang tersebut. Antaranya ialah:

- Pembaikan laluan pejalan kaki / *paver*
- Struktur dinding konkrit (*Free Standing Wall*)
- Pembinaan dataran kejut
- Struktur arca bangku
- Lantai konkrit longkang untuk laluan masuk
- Papan tanda nama Taman Rekreasi Awam Sembilang
- Papan tanda larangan
- Penanaman pokok
- Penanaman rumput

Kos menaiktaraf taman ini adalah berjumlah RM120,120.00 dengan menggunakan wang sumbangan menggantikan penyediaan kemudahan (kawasan tanah lapang). Dengan adanya Laman Fotografi ini di kawasan Taman Sembilang dapat dijadikan kawasan riadah buat penduduk setempat, dijadikan taman photo perkahwinan bagi pasangan yang inginkan pemandangan-pemandangan menarik. Kawasan ini dipilih memandangkan kawasan ini mempunyai sumber keindahan semulajadi yang asli dan ianya sebahagian daripada ekosistem Sungai Perai.

MPSP mengamalkan dasar penuh kebertanggungjawaban dan keterbukaan dalam penyampaian perkhidmatan yang pantas dan berkesan untuk meningkatkan keyakinan rakyat terhadap perkhidmatan MPSP. MPSP merupakan sebuah organisasi berorientasikan rakyat atau "*People Centric Organisation*" dan telah dan akan terus memperbanyakkan program sejajar dengan *people centric*. Keutamaan diberikan kepada remaja dan warga emas bagi membina masyarakat bukan sahaja mencintai alam sekitar malahan masyarakat yang menyayangi sesama insan termasuk haiwan serta tumbuh-tumbuhan.

Golongan remaja dalam lingkungan umur 15 hingga 24 tahun merangkumi 17.25% daripada keseluruhan penduduk Pulau Pinang pada tahun 2018 dan diunjurkan akan mewakili 14% daripada keseluruhan pendudukan Pulau Pinang pada tahun 2020. Kebanyakan golongan remaja ini, yang dikenali sebagai *iGeneration* mengikut trend masa kini, lancar dalam teknologi komputer dan menggemari fotografi dengan menggunakan telefon pintar. Ini merupakan antara justifikasi pengwujudan Laman Fotografi seumpama ini untuk menarik golongan ini berekreasi sambil *selfie*, *wefie* dengan berlatar belakangkan pemandangan indah Sungai Perai atau lukisan-lukisan menarik pada struktur dinding konkrit (*free standing concrete wall*).

Selain itu, Laman Fotografi ini juga boleh dijadikan lokasi menarik untuk penggambaran pasangan yang baru berkahwin (*wedding photography*). Justeru, dengan projek laman fotografi yang kita laksanakan ini dapat memberikan satu ilham baru buat jurugambar-jurugambar dari kalangan anak-anak muda dan golongan B40 untuk mencebur diri dalam bidang fotografi bukan sahaja sebagai hobi malahan meningkatkan pendapatan mereka. MPSP juga sedang berusaha untuk mewujudkan lebih banyak Laman Fotografi di Seberang Perai seperti di Taman Tecoma, Bandar Perda sesuai dengan tema *People Centric Year 2019*.

Kedudukan Laman Fotografi ini yang berhampiran dengan Sungai Perai juga akan merancakkan lagi pembangunan Sungai Perai sebagai satu *landmark* yang amat berpotensi sebagai kawasan ekopelancongan dan tarikan baru di Seberang Perai. Pembangunan taman-taman rekreasi, aktiviti "*river cruise*", "*bird watching*", perikanan rekreasi (*recreational fishing*), *nature walk* di sepanjang tebing Sungai Perai dan lain-lain aktiviti akan merangsang pembangunan pelancongan dan berpotensi meningkatkan mata pencarian penduduk yang bergantung kepada sungai sambil memelihara persekitaran semulajadi.

Saya bercita-cita menjadikan Sungai Perai sebagai lokasi penjana ekonomi setempat (LED), satu tempat yang menjadi tarikan pelancongan, seperti Sungai Choa Phraya di Bangkok dan Sungai Mekong di Vietnam dan Kemboja. Sungai Perai juga harus dijaga supaya bekalan air mentah untuk minuman tidak terjejas. Kita harus berusaha untuk menjadikan Seberang Perai *resilient* dengan menjaga alam sekitar termasuk sungai.

**Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

Saya mohon agar laman fotografi ini dapat dijaga dengan baik oleh penduduk setempat. Jadilah mata-mata MPSP, laporkan sekiranya ada sebarang masalah *vandalism* atau pembuangan sampah daripada pihak yang tidak bertanggungjawab agar tindakan dapat diambil ke atas mereka.

Selain itu, pada 7 September 2018 yang lalu, lokasi ini turut terlibat dalam menjayakan program Penanaman Pokok teduhan dari jenis



*Xanthostemon chrysanthus* (Golden Penda) sempena Sambutan Hari Kemerdekaan yang ke 61 dan mendapat pengiktirafan *Malaysian Book Of Records* dengan jumlah penanaman pokok sebanyak 5,100 batang pokok.

Kesinambungan daripada pembinaan struktur dinding konkrit (*Free Standing Wall*), pihak Yang Berhormat Dr. Afif Bin Bahardin telah melantik Northsantara Artwave sebagai penganjur bagi pertandingan “*Art Of The Wall Graffiti & Mural Competition*”. Pertandingan ini dapat mengeratkan hubungan silaturrahim sesama penduduk dan peserta. Selain itu, ia juga dapat mengasah bakat seni dan kreativiti peserta dalam bidang seni dan tema yang diketengahkan dalam pertandingan ini ialah “Moden Tradisional Seberang Perai”.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program Majlis Perasmian Laman Fotografi yang bermula sejak daripada pagi lagi dengan pameran-pameran, sesi fotografi, aktiviti seni kanak-kanak / mewarna, kuiz bersama pengunjung, bengkel seni, bengkel kraf, *busking* dan bacaan puisi. Dengan adanya program-program sebegini,

saya berharap agar aktiviti di hujung minggu masyarakat dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya.

**Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, saya berharap agar penduduk setempat dapat bersama-sama menjayakan semua program Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan MPSP dalam menjadikan “**Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan**” atau “**Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow**”. Sekali lagi, terima kasih kepada semua yang telah menjayakan Majlis Perasmian Laman Fotografi ini khususnya kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Ahli-Ahli Majlis, pegawai dan kakitangan MPSP, penduduk-penduduk dan semua hadirin dan hadirat.

Dengan ini saya sudahi dengan **Wabillahi Taufik WalHidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

**Sekian, terima kasih.**